

GP 020/2020

GP_{020/2020}

GARIS PANDUAN LANDSKAP KAWASAN KAMPUNG



Disediakan Oleh :
**BAHAGIAN LANDSKAP
JABATAN PERANCANG BANDAR & WILAYAH NEGERI SABAH
KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN & PERUMAHAN SABAH**

© Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk samada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa kebenaran daripada penerbit.

Diterbitkan oleh;
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah,
Tingkat 3,4,dan 5, Wisma Tun Fuad Stephens,
KM.2.4, Jalan Tuaran,
88646 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Dicetak oleh:
Jabatan Cetak Kerajaan Sabah,
Km.4, Jalan Tuaran,
Beg Berkunci 2004,
88554 Kota Kinabalu, Sabah.

**KATA-KATA ALUAN**

Pengarah Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah
(YBrS. TPr Tn. HJ. MURSIDI HJ SAPIE)

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

Perancangan reka bentuk landskap adalah tidak terhad kepada kawasan di bandar namun, pengindahan di kawasan luar bandar juga perlu dititikberatkan agar ianya selaras dengan keperluan pembangunan landskap semasa yang menyeluruh di negeri Sabah. Penyediaan Garis Panduan Landskap Kawasan Kampung diterbitkan sebagai rujukan kepada PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dan pihak terlibat dalam merancang reka bentuk landskap di kawasan kampung agar persekitarannya yang lebih menarik dan teratur.

Garis panduan ini merangkumi aspek perancangan umum dan khusus bagi kawasan kampung yang boleh dignapakai dalam merancang landskap ke arah persekitaran hidup yang berkualiti, bersih dan ceria bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang selari dengan pembangunan di kawasan bandar.

Menerusi Garis Panduan Landskap Kampung, adalah menjadi harapan agar garis panduan ini dapat diaplikasikan di seluruh kawasan perkampungan di negeri Sabah dengan sewajarnya demi mewujudkan kawasan persekitaran yang lestari.

Sekian.

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	2
	Tujuan	
2.0	LATAR BELAKANG	5 - 7
2.1	Definisi	
2.2	Rasional Penyediaan Kawasan Berlandskap di Kawasan Kampung	
2.3	Prinsip Perancangan	
3.0	PERANCANGAN REKABENTUK	6 - 14
3.1	Perancangan ruang Aksesibiliti Fasiliti dan Kemudahan Awam Landskap Lembut Landskap Kejur	
3.2	Cadangan Tanaman	13 - 14
3.3	Landskap Rumah Kampung Halaman rumah Laman dapur/ <i>kitchen garden</i> Perkampungan Atas Air	15-18
	GLOSARI	19
	RUJUKAN	20
	PENGHARGAAN	21

1.0 Pengenalan

1.1 Tujuan

Garis Panduan Landskap Kawasan Kampung ini disediakan sebagai satu usaha dalam memperindahkan kawasan kampung serta sebagai rujukan yang jelas dan kuantitatif kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Sabah dalam membentuk imej landskap yang indah dan teratur di kawasan kampung demi mencapai wawasan yang dinyatakan dalam Pelan Struktur Sabah 2033 yang bertujuan untuk menyediakan kualiti hidup yang lebih baik kepada masyarakat dan pengurusan persekitaran yang mampan.

2.0 Latar Belakang

2.1 Definisi

- 2.1.1 Kampung didefinisikan sebagai sebuah penempatan tradisi di kawasan desa serta kawasan kediaman yang terdiri daripada sekumpulan rumah di luar bandar.
- 2.1.2 Imej sesebuah kampung adalah amat penting ia dapat mencerminkan identiti dan kebudayaan masyarakat setempat. Ia akan dirujuk sebagai penempatan perkampungan yang teratur dan terancang dari segi perancangan landskap dan kemudahan sokongan yang bercirikan reka bentuk mengikut peredaran semasa tetapi masih mengekalkan ciri-ciri tradisional tempatan.
- 2.1.3 Aspek perancangan landskap dan kesesuaian kawasan persekitaran perlu diambil kira untuk memastikan perancangan landskap yang berkualiti dapat dihasilkan. Reka bentuk landskap yang berkualiti dari segi pengindahan akan menghasilkan visual dan faedah estetik yang tinggi serta persekitaran yang responsif.
- 2.1.4 Penyediaan jaluran hijau di kawasan kampung mampu memberi impak yang positif kepada alam sekitar serta peningkatan kualiti hidup masyarakat setempat.
- 2.2.5 Etnik tempatan perlu dititikberatkan selain mengekalkan ciri semula jadi ke arah pembangunan mampan. Walau bagaimanapun, garis panduan ini tidak

menghadkan kreativiti masyarakat kampung, serta sikap terbuka kepada kesesuaian reka bentuk tradisional mengikut etnik masyarakat tempatan

2.2 Rasional

- 2.2.1 Menaikkan taraf imej kampung seiring dengan prinsip pembangunan mampan dan persekitaran yang teratur serta selamat
- 2.2.2 Mewujudkan persekitaran yang berkualiti untuk menyokong kualiti hidup masyarakat berdaya huni sejajar dengan matlamat Pelan Struktur Sabah 2033.
- 2.2.3 Keperluan untuk mewujudkan ruang awam di tempat sesuai untuk aktiviti beriadah serta interaksi penduduk setempat.
- 2.2.2 Kesenambungan persekitaran melalui integrasi elemen landskap kejur dan lembut dapat meningkatkan daya tarikan dan nilai estetik kepada kawasan kampung.
- 2.2.4 Program penghijauan seperti penanaman landskap lembut di persekitaran kampung, kawasan kemudahan awam dan halaman rumah bagi mengurangkan kesan *Urban Heat Island* adalah digalakkan;

2.3 Prinsip Perancangan

- 2.3.1 Prinsip perancangan bagi penyediaan garis panduan landskap di sekitar kawasan kampung adalah seperti berikut :
 - a) Reka bentuk dan beridentiti :
Susun atur kawasan dan reka bentuk ruang kawasan dalaman serta persekitaran perlu membentuk ruang interaksi sesama masyarakat setempat yang sesuai, selesa dan berfungsi .
 - b) Kemudahsampaian :
Kawasan persekitaran kampung yang dirancang perlu diintegrasikan dengan sistem rangkaian kemudahan pejalan kaki yang selamat, tersusun serta mudah sampai.-
 - c) Kehijauan dan estetika :
Kawasan persekitaran kampung diindahkan melalui integrasi landskap kejur dan landskap lembut;

3.0 Perancangan Reka Bentuk

3.1 Perancangan Ruang

	<p>bersesuaian serta strategik dan mudah diakses oleh semua golongan pengguna termasuk orang kurang upaya (OKU).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Keluasan tapak perlu mencukupi untuk perletakkan ruang seperti komponen-komponen landskap, kawasan penghijauan dan tempat letak kereta. • Penyediaan pusat pengumpulan sampah perlu diletakkan di tempat yang strategik dan mudah diakses oleh masyarakat serta kenderaan. <p>- <u>Reka Bentuk Landskap dan Pemilihan Tanaman :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Ruang penanaman yang mencukupi perlu disediakan disekitar bangunan • Menanam dua jenis spesies pokok utama iaitu jenis pokok berbunga di kawasan pintu masuk utama dan satu jenis lagi bagi keseluruhan kawasan. • Memilih tanaman yang mempunyai warna bunga yang cantik,terang dan jelas • Pemilihan pokok adalah daripada jenis berbatang lurus, berakar tunjang dan rendah. Percabangan yang kurang dari 3.0m dari paras tanah hendaklah dipotong • Ketinggian tanaman hendaklah seimbang dengan skala Bangunan • Kombinasi tanaman pokok palma, renek dan penutup bumi dalam komposisi adalah digalakkan. • Keperluan untuk menyediakan satu (1) pokok bagi setiap tiga (3) petak tempat letak kereta di kawasan tempat letak kereta.
Landskap Lembut	<ul style="list-style-type: none"> • Pemilihan tanaman pokok adalah jenis natif tempatan; • Perletakkan dan jarak penanaman pokok harus mengambilkira kawasan yang sesuai dan memastikan tiada laluan utiliti berdekatan; • Penggunaan pokok teduhan sebagai pokok

	<p>utama hendaklah diberi keutamaan untuk memberikan kesan teduhan yang maksima dan penanaman palma hanya digalakkan di ruang tanaman yang terhad.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan penghadang akar "<i>root barrier</i>" adalah digalakkan di kawasan-kawasan yang diperlukan. • Pemilihan pokok yang mempunyai akar menjalar adalah tidak dibenarkan kerana akan merosakkan struktur bangunan, permukaan turapan laluan pejalan kaki, kabel bawah tanah dan longkang • Pemilihan pokok hendaklah daripada jenis yang tahan pencemaran, dahan yang tidak mudah rapuh, tidak berbuah, getah dan racun serta mempunyai kadar luruh daun yang rendah • Pemilihan jenis tanaman hendaklah daripada jenis tanaman yang mudah untuk diselenggara. • Keperluan penyediaan reka bentuk penanaman yang bersesuaian dan responsif kepada kehendak persekitaran bertujuan untuk penghijauan serta kesejahteraan masyarakat setempat. • Mewujudkan keseimbangan melalui penanaman pokok secara cara formal dan tidak formal. Kesan ini dapat mewujudkan keseragaman dan memberi tanggapan ruang visual yang indah kepada pengungjung dan masyarakat setempat. Keindahan reka bentuk tanaman dapat dihasilkan melalui amalan penyelenggaraan yang baik atau pemilihan jenis tanaman yang memerlukan penyelenggaraan terhad.- • Kombinasi pemilihan tanaman yang berlainan dan bersesuaian dengan reka bentuk penanaman pokok teduhan dan pokok renek dapat menghasilkan kesan kepada pemandangan estetik yang menarik dan memberi kesan teduhan yang optimum.
Landskap Kejur	<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk elemen-elemen binaan perlu mempunyai fungsi dan memberi kesejahteraan kepada pengguna. • Mengutamakan bahan binaan yang lasak, selamat, tahan pertukaran cuaca,

penyelenggaraan yang minimum dan tidak membahayakan keselamatan pengguna.

- Reka bentuk yang menerapkan motif atau ukiran yang melambangkan identiti masyarakat kampung dalam landskap adalah digalakkan dalam menghasilkan lampu taman, pintu gerbang dan perabot jalan.
- Komponen reka bentuk untuk kemudahan perabot adalah seperti berikut :

a) Pintu gerbang

- Idea reka bentuk perlu diintegrasikan dengan ciri-ciri etnik tempatan. Struktur senibina hendaklah melambangkan identiti kawasan tersebut.
- Ketinggian pintu gerbang perlu bersesuaian bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan.

b) Laluan Pejalan Kaki

- Penyediaan laluan pejalan kaki perlu mengambilkira prinsip reka bentuk seperti *walkability and connectivity*.
- Min. Penyediaan kelebaran laluan pejalan yang dicadangkan adalah 1.2m
- Bahan turapan untuk pembinaan laluan pejalan kaki perlu sesuai, berkualiti dan selamat digunakan. Penyediaan kemudahan untuk semua golongan hendaklah dirancang secara bersepadu dan diintegrasikan dengan kemudahan sedia ada.
- Dilengkapkan dengan kemudahan seperti papan tanda yang memberi maklumat kawasan serta lampu taman/lampu jalan yang mencukupi untuk tujuan pencahayaan.

c) Papan Tanda

- Papan tanda perlu direka dengan idea yang kreatif dan menarik perhatian.

- Papan tanda yang mencukupi adalah penting bagi mewujudkan sirkulasi dalaman perkampungan yang efisien dan informatif kepada pengunjung dan masyarakat setempat.

- Perlu diletakkan di lokasi yang dapat dilihat dengan jelas dan mudah dibaca dari pelbagai arah serta mempunyai warna dan saiz sesuai;

d) Bollard

- Membina *bollard* di kawasan yang bersesuaian untuk tujuan keselamatan pejalan kaki.

e) Tong Sampah

- Menyediakan tong sampah bertutup yang mencukupi di kawasan yang memerlukan bagi mengelak amalan membuang sampah di merata tempat dan limpahan sampah yang akan menjejaskan pemandangan.

- Penyediaan tong sampah kitar semula di lokasi yang strategik adalah digalakkan bagi memupuk amalan kitar semula pada masyarakat setempat.

f) Lampu pencahayaan

- Menyediakan lampu hiasan seperti *up light* atau yang bersesuaian di kawasan tanaman, pintu gerbang jalan masuk utama ke kawasan kampung atau jalan masuk ke bangunan kemudahan awam bagi menonjolkan ciri-ciri rekaan dan tanaman.

- Penyediaan lampu taman yang mencukupi di kawasan yang memerlukan bagi meningkatkan kadar keselamatan pengguna sepanjang masa.

g) Komponen rekreasi dan sokongan

- Reka bentuk landskap di kawasan rekreasi dan taman komuniti perlu mewujudkan suasana persekitaran yang selesa bagi menggalakkan aktiviti aktif dan pasif.
- Penyediaan kemudahan rekreasi yang aktif perlu diletakkan di tempat yang strategik bagi memudahkan dan menggalakkan aktiviti masyarakat yang cergas.
- Aktiviti seperti program sukaneka perpaduan kampung dapat mendedahkan masyarakat kampung kepada pelbagai sukan dan permainan. Oleh yang demikian, penyediaan kemudahan awam seperti dewan memerlukan komponen rekreasi yang mencukupi bagi melaksanakan program tersebut.
- Penggunaan elemen-elemen landskap kejur hendaklah diintergrasikan bersama reka bentuk penanaman landskap lembut.

Contoh komponen rekreasi	1)	Gelanggang badminton/ Sepak takraw
	2)	Gelanggang bola keranjang
	3)	Padang serbaguna
	4)	Stesen alat senaman kecergasan
	5)	<i>Integrated playground</i>

3.2 Cadangan Tanaman

Berikut merupakan cadangan tanaman di Kawasan kampung :

Nama Botani	Nama Tempatan
<i>Arthrophyllum diversifolium</i>	Miampalad (Dusun Bundu Tuhan), Kepayas-kepayas (Malay, Brunei)
<i>Artocarpus dadah</i>	Burini (Dusun), Dadak (Iban)
<i>Artocarpus elasticus</i>	Terap togop/ Talun (Dusun), Kilid/Talun (Kelabit), Tekalung (Iban)
<i>Artocarpus heterophyllus</i>	Nangka (Malay), Baduk/Baduk ngarot (Kelabit)
<i>Artocarpus integer</i>	Pu'utan (Kadazan), Cempadak (Malay), Pulutan (Dusun), Nakan (Kelabit)
<i>Averrhoa bilimbi</i>	Belimbing asam (Malay)
<i>Averrhoa carambola</i>	Belimbing (Malay)
<i>Canarium denticulatum</i>	Kedondong (Malay), Labuno baraok/Lind (Kelabit)
<i>Canarium odontophyllum</i>	Kembayu (Malay)
<i>Dimocarpus longan</i>	Mata kucing (Malay), Bubpu/Ejau (Kelabit), Kakus (Iban)
<i>Durio zibethinus</i>	Durian kampung (Malay), Datu/Datu ubok (Kelabit), Rian amat (Iban)
<i>Garcinia forbesii</i>	Bebata (Malay), Kendis/Takob akob (Dusun), Kundung amat (Iban)
<i>Lansium domesticum</i>	Langsat (Malay)
<i>Mangifera caesia</i>	Beluno (Malay), Bundu (Kadazan & Dusun)
<i>Mangifera pajang</i>	Bambangan
<i>Nephelium lappaceum</i>	Rambutan (Malay), Langahau (Kadazan), Rangalau (Dusun), Meranti (Iban)
<i>Pangium edule</i>	Kepayang (Malay), Pangi (Dusun)
<i>Parkia speciosa</i>	Petai (Malay), Petarr tekudurr (Kelabit), Petai amat/papan (Iban)



Artocarpus heterophyllus



Artocarpus integer



Averrhoa carambola




Canarium odontophyllum



Garcinia forbesii



Lansium domesticum



Mangifera caesia



Mangifera pajang



Nephelium lappaceum

Gambar 1 : Cadangan tanaman di kawasan kampung

3.3 Landskap rumah kampung

Ruang di sekitar halaman rumah kampung boleh dimanfaatkan sepenuhnya dengan reka bentuk penghijauan di sekitarnya. Hasilnya, suasana persekitaran rumah kampung tersebut menawarkan impak yang positif, damai dan indah. Walau bagaimanapun, penyediaan keperluan ruang penghijauan adalah bergantung kepada keluasan kawasan individu.

Struktur reka bentuk landskap rumah kampung dibahagikan seperti berikut :

Kategori	Perancangan Ruang
<p>Halaman Rumah</p>	<p><u>Reka Bentuk Landskap dan Pemilihan Tanaman :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Komposisi pemilihan tanaman yang pelbagai dari segi kombinasi jenis, saiz dan rupa bentuk bagi mewujudkan ciri-ciri landskap kampung tradisi. • Jarak dan ruang penanaman adalah berkonsep bebas dan mengambil kira tanaman yang berfungsi serta kesesuaian kawasan untuk kesinambungan dan estetik. • Penanaman secara kelompok dapat mewujudkan pemandangan yang semulajadi serta menghasilkan intergrasi yang harmoni. • Mengalakkan penggunaan tanaman sebagai alternatif kepada pagar rumah. • Kesemua pemilihan tanaman perlu mempunyai penyelenggaraan yang minimum. • Kaedah penjagaan seperti pembajaan, merumpai, mencantas dan kawalan makhluk perosak perlu dilakukan dari masa ke semasa bagi memastikan tanaman tumbuh dengan baik.
<p>Taman Dapur / <i>Edible Garden</i></p>	<p><u>Reka Bentuk Landskap dan Pemilihan Tanaman :</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Transformasi pemandangan ruang kosong di halaman belakang rumah mampu memberi kelainan dari segi nilai estetik dengan hasil pencorakan reka bentuk landskap organik.

- *Edible garden* atau taman dapur merupakan sebuah konsep alternatif reka bentuk landskap di kawasan halaman belakang rumah yang menggunakan tanaman yang mempunyai unsur seperti *ethnobotanic* dan boleh dijadikan makanan dan ubatan herba serta kepelbagaian kegunaan.
- Mengalakkan masyarakat setempat membudayakan menanam tanaman jenis makanan bagi keperluan harian serta menjalankan aktiviti riadah bersama keluarga di halaman sendiri.
- Keperluan ruang bagi membina *edible garden* dan jarak penanaman adalah bebas dan bergantung kepada keperluan serta keluasan kawasan kediaman individu.
- Kesesuaian idea reka bentuk penggunaan elemen secara berulang mewujudkan suasana harmoni. Ciri-ciri keharmonian menekankan penggunaan kombinasi dari segi bentuk, saiz, warna serta fungsi.
- Pemilihan serta penggunaan elemen yang ringkas serta mudah menghasilkan persekitaran yang menarik dan menjimatkan kos penyelenggaraan.

Jenis Tanaman	Pengunaan	Cadangan tanaman
Sayur daun	Bahagian daun tanaman boleh digunakan untuk bahan masakan atau makanan	1) Bayam 2) Kangkung 3) Sawi 4) Daun bawang 5) Sawi 6) Kailan
Sayur buah	Menghasilkan buah yang dijadikan sebagai masakan atau makanan. Kebanyakannya tidak sesuai dimakan secara	<u>Renek</u> 1) Cili 2) Terung 3) Timun 4) Bendi 5) Tomato 6) Labu <u>Kekacang</u>

	mentah atau dimasak	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kacang botor 2) Kacang buncis 3) Peria 4) Petola
Ubi / Umbisi	Akar tanaman menghasilkan bahagian yang boleh digunakan sebagai bahan makanan	<ol style="list-style-type: none"> 1) Keladi 2) Keledek 3) Ubi kayu 4) Lobak putih 5) Lobak merah 6) Sengkuang
Ulam	Sebahagian daripada bahagian tanaman boleh dimakan secara mentah	<ol style="list-style-type: none"> 1) Kaduk 2) Ulam raja 3) Pegaga 4) Salom 5) Gajus
Buah-buahan	Boleh dimakan. Biasanya ditanam di dusun dan sekitar rumah	<ol style="list-style-type: none"> 1) Limau purut 2) Nenas 3) Buah naga 4) Belimbing 5) Betik 6) Pisang
Herba	Mempunyai bahagian yang boleh digunakan untuk penghasilan ubat tradisional atau ramuan kosmetik.	<ol style="list-style-type: none"> 1) Tongkat ali 2) Kacip fatima 3) Cempaka 4) Kenanga 5) Melor 6) Serai wangi
Rempah ratus dan bahan masakan	Digunakan sebagai ramuan dan penambah perisa dalam masakan	<p><u>Rhizom</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kunyit 2) Lengkuas 3) Kantan 4) Halia <p><u>Berdaun</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Pandan 2) Serai 3) Pokok kari 4) Cengkih

			<p>5) Pala 6) Belimbing</p> <p><u>Pokok</u></p> <p>1) Buluh</p>
<p>Perkampungan Atas Air</p>	<p>a) Penyediaan ruang bagi 10% kawasan lapang adalah diwajibkan bagi pembangunan yang baharu. Rujuk Piawaian Perancangan Pembangunan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS) bagi perincian yang lebih teliti dan menyeluruh.</p> <p>b) Cadangan pemilihan pokok perlu bersesuaian dan adalah dari jenis-jenis pokok yang mudah diselenggara.</p> <p>c) Penyediaan “<i>railing</i>” dan jambatan berbumbung di laluan awam adalah dicadangkan bagi tujuan keselamatan.</p> <p>d) Kemudahan rekreasi yang bersesuaian disediakan bagi mengalakkan aktiviti penduduk kampung yang aktif dan sihat.</p>		

Glosari

Desa	Kampung (di luar kawasan bandar), dusun, udik, daerah pedalaman.
Dewan Muhibbah	Dewan serbaguna yang boleh digunakan untuk pelbagai tujuan sama ada untuk aktiviti rekreasi aktif atau pasif.
Ergonomik	Persekitaran reka bentuk yang menggunakan ciri-ciri mesra bahan binaan dan mesra pengguna.
Taman komuniti	Taman awam yang mempunyai kemudahan aktiviti aktif atau pasif yang dikongsi bersama dengan masyarakat tempat
<i>Edible</i>	Boleh dimakan.
<i>Edible garden</i>	Sebuah taman yang menggunakan pemilihan tanaman dari jenis-jenis yang boleh dimakan.
<i>Ethnobotanic</i>	Merupakan kajian saintifik tentang tanaman yang digunakan oleh manusia.

RUJUKAN :

1. Town and Country Planning Ordinance. *SABAH Cap 141 (Amendment 2002)*
2. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2014) *Pelan Struktur Sabah 2033*
3. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2019) *Planning Standards Manual*
4. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah (2019) *Piawaian Perancangan Landskap Negeri Sabah (PPPLNS)*
5. Jabatan Landskap Negara (2008) *Garis Panduan Landskap Negara Edisi 2*
6. Jabatan Landskap Negara *Panduan Bina Taman Anda Di Rumah*
7. Jabatan Landskap Negara *Edible Landskap*

PENGHARGAAN



URUS SETIA

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah

Bahagian Landskap

Bahagian Kawalan Pembangunan

Bahagian Perancangan Fizikal

Bahagian Penyelidikan & Korporat

Unit Pembangunan Sumber Manusia (Latihan & Dasar)

Unit Keurusetiaan Lembaga Pusat Perancang Bandar & Desa

AHLI JAWATANKUASA TEKNIKAL

Kementerian

Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KKBS)

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS)

Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Malaysia (Motac)

Pihak Berkuasa Tempatan

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Majlis Perbandaran Sandakan

Majlis Perbandaran Tawau

Lembaga Bandaran Kudat

Majlis Daerah Penampang

Majlis Daerah Putatan

Majlis Daerah Papar

Majlis Daerah Beaufort

Majlis Daerah Kota Marudu

Majlis Daerah Pitas

Majlis Daerah Kota Belud

Majlis Daerah Tuaran

Majlis Daerah Lahad Datu

Majlis Daerah Kinabatangan

Majlis Daerah Tambunan

Majlis Daerah Ranau

Majlis Daerah Keningau

Majlis Daerah Kuala Penyu

Majlis Daerah Kunak

Majlis Daerah Sipitang

Majlis Daerah Tenom

Majlis Daerah Beluran

Majlis Daerah Nabawan

Majlis Daerah Semporna

Agensi Teknikal

Jabatan Tanah Ukur Negeri Sabah (JTU)

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)

Jabatan Kerja Raya (JKR)

Jabatan Air (JA)

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM)

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMGSBH)

Syarikat / Agensi Berkaitan Kerajaan

Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)

Telekom Malaysia (TM)

Badan Bukan Kerajaan

Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM)



Alamat Perhubungan:

Bahagian Landskap,
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Negeri Sabah
Tingkat 10 & 11, Blok A, Wisma Tun Fuad Stephens, 88646 Kota Kinabalu, Sabah .
Tel : 088-201 334 / 088-201 374 / 088-201 384
Faks : 088-201 341

